

Penutupan masjid jejas pendidikan, kerohanian

Langkah bendung penularan pandemik jadikan institusi semakin jauh daripada kehidupan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Tindakan menutup masjid dan surau atau menghadkan bilangan jemaah meskipun diakui bertujuan membendung penularan COVID-19, ia memberikan kesan kepada umat Islam khususnya dalam konteks pendidikan dan kerohanian umat Islam.

Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir, berkata penutupan masjid dan surau dalam tempoh lama

itu memberikan kesan negatif kepada sebahagian umat Islam.

"Ini berikutan senario masa ini menyebabkan orang sudah menjadi kebiasaan tidak bersolat fardu Jumaat. Orang tua tidak dapat ke masjid dan surau, manakala sebahagian anak muda mungkin berasa seronok tidak ke masjid dan surau.

"Kesannya, anak remaja terdidik dengan tidak solat berjemaah di masjid dan surau dan tiada aktiviti solat berjemaah, zikir selepas solat, bacaan surah Yasin malam Jumaat, majlis tahlil mendoakan keampunan untuk ahli kariah meninggal dunia, tiada iktikaf serta pengajian majlis ilmu.

"Ini membuatkan masjid dan surau semakin jauh daripada kehidupan dan tidak lagi berperanan membantu umat Islam serta masyarakat yang memerlukan bantuan makanan, kewangan dan nasihat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Webinar Wacana Isu Semasa Pandemik

COVID-19 daripada Perspektif Maqasid (Tujuan) Syariah menerusi Facebook Institut Darul Ehsan (IDE).

Mohammad Nidzam berkata, meskipun negara masih dibelenggu COVID-19, masjid dan surau perlu dibuka dan dibenarkan dengan kehadiran jemaah lebih ramai serta berfungsi dalam norma baharu.

"Begitu juga solat Jumaat, kebenaran menunaikannya perlu dibuat di banyak tempat atau juga di surau. Jika jemaahnya ramai, solat itu boleh diadakan dua sesi, selain mempelbagaikan fungsi sebagai tempat bantuan dan khidmat kaunseling," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Norfadhilah Mohamad Ali, pula mengulas mengenai Islam dan literasi pemikiran masa depan atau *futures literacy* yang disifatkan penting untuk pembangunan ummah.

"Ini perlu dimanfaatkan dan gesaan sentiasa berfikir, ia cabang ilmu yang meningkat popular, iaitu selari dengan keupayaan kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) yang diperlukan.

"Dalam era digital, apa yang tinggal adalah keupayaan berfikir dan interaksi. Dengan dokongan Islam yang menggalakkan membaca, umat Islam perlu mengupayakan diri untuk memberi manfaat kepada manusia.

"Ini jika dilihat dari sudut luasnya, konsep literasi pemikiran masa depan, yang menggerakkan paradigma baharu dan kajian mengenainya banyak dipelopori sebelum Perang Dunia Kedua," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Dekan

Fakulti Syariah dan Undang-Undang berkata, menerusi kertas kerja merumuskan wabak COVID-19 sebagai fenomena yang secara tidak langsung menggegarkan empat penjuru dunia.

"Ia secara tidak langsung menguji umat Islam mengenai bagaimana mereka memberi reaksi terhadap pandemik yang sangat mempengaruhi rutin harian dan peranan agama.


"Penutupan Kota Suci Makkah dan Madinah serta larangan penerbangan memasuki Arab Saudi, adalah manifestasi menunjukkan kepada negara Muslim lain bahawa langkah pencegahan sangat penting untuk mengekang penyebaran wabak COVID-19," katanya.

Seterusnya, katanya, cendekiawan Muslim dan mufti mengeluarkan panduan dalam berbagai aspek masalah agama, daripada akad nikah dengan menekankan penjarakan fizikal, pengubunan mayat yang dijangkiti virus maut itu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Profesor Adjung Fakulti Perniagaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Selangor (UNISEL), Dr Zaharuddin Abd Rahman, berpendapat masyarakat perlu mendepani kesan COVID-19, termasuk kesan terhadap ekonomi dan perlu mengadaptasi cabaran pandemik.

"Tiga teras kewangan Islam adalah mencipta kekayaan, pengalihan dan perlindungan kekayaan.

"Dalam konteks ekonomi Islam dan maqasid syariah, ia adalah kitaran yang memerlukan masyarakat dan pengetahuan, kepemimpinan, polisi dan sistem, produksi, agihan kekayaan dan kesamarataan," katanya.



Kesannya, anak remaja terdidik dengan tidak solat berjemaah di masjid dan surau dan tiada aktiviti solat berjemaah, zikir selepas solat, bacaan surah Yasin malam Jumaat, majlis tahlil mendoakan keampunan untuk ahli kariah meninggal dunia, tiada iktikaf serta pengajian majlis ilmu.

Mohammad Nidzam Abdul Kadir,
Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia